

# Siasatan CPIB: Tiada bukti pegawai Muis salah guna kuasa dalam proses iktiraf sijil halal asing

► NUR ADILAH MAHBOB  
adilaham@sph.com.sg

BIRO Siasatan Amalan Rasuah (CPIB) tidak menemui bukti yang menyokong dakwaan salah guna kuasa oleh pegawai Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) berhubung proses pengiktirafan sijil halal asing.

Justeru, tiada tindakan lanjut akan diambil oleh CPIB setelah menyiasat isu berkenaan proses pengiktirafan Muis bagi Badan Pensiijilan Halal Asing (FHCB) itu.

Demikian menurut Muis dalam satu kenyataan semalam untuk memberi perkembangan terbaru mengenai kes tersebut.

“CPIB telah memaklumkan bahawa mereka tidak akan mengambil tindakan lanjut berkenaan tuduhan ra-

suah melibatkan pegawai Muis memandangkan tiada bukti secukupnya, berdasarkan maklumat yang diberikan pelbagai pihak dan siasatan mereka,” kata Muis.

Muis juga menekankan ia memandang serius semua aduan dan tuduhan, dan memberi jaminan bahawa laporan tentang sembarang salah laku pegawainya akan disiasat sewajarnya.

“Kami menggesa orang awam supaya mengemukakan isu yang perlu diatasi secara langsung kepada Muis dan/atau pihak berkuasa dan tidak melakukannya menerusi pihak ketiga atau menyebarnya di sosial media.

“Spekulasi di media sosial malah mungkin menjelaskan proses siasatan dan mempunyai kesan buruk ter-

hadap reputasi dan semangat pegawai tertuduh meskipun tuduhan itu kemudian mungkin didapati tidak berasas,” kata Muis.

Ibu pengiktirafan FHCB mula timbul selepas satu laporan diterbitkan pada 22 April tahun lalu oleh sebuah laman berita dalam talian yang berpangkalan di Hong Kong yang mendakwa Muis bersikap berat sebelah terhadap pihak tertentu dalam proses mengiktiraf FHCB.

Muis tidak menamakan laman tersebut tetapi *Berita Harian* (BH) difahamkan ia merujuk kepada laman Asia Sentinel.

FHCB ialah entiti berpangkalan di luar negara yang mengesahkan apakah produk makanan di negara itu memenuhi syarat diet Muslim.

■ BERSAMBUNG DI MUKA 3



**Moga anak-anak tetap ‘terjaga’ bila orang tua tutup mata nanti...**

Encik Buang Ahmad Bakri, 70 tahun (kanan), dan isteri Cik Noorhayah Mohd Arrifin, 66 tahun, akur berasa lebih lega selepas menyertai Skim Dana Amanah Keperluan Khas Muis yang akan memastikan kebajikan kedua-dua anak dewasa mereka – Encik Halim, 42 tahun (dua dari kiri) dan Encik Abdul Kadir, 44 tahun yang kedua-duanya didapati mengalami kurang daya intelek sejak di sekolah rendah – terjaga selepas mereka tiada lagi nanti. – Foto BH oleh KHALID BABA

Ikuti laporan lanjut – Muka 16

## BERITA

# Lega masa depan anak istimewa dijaga dengan skim SNTC

Skim pastikan penjagaan jangka panjang bagi anggota keluarga berkeperluan khas



**LEGA DAN SYUKUR:** Encik Buang Ahmad Bakri, 70 tahun (berdiri) dan isteri, Cik Noorhayah Mohd Arrifin, 66 tahun (kanan) lega setelah menyertai Skim Dana Amanah Keperluan Khas untuk anak-anak mereka Encik Mohamed Halim Buang, 42 tahun (kiri), dan Encik Abdul Kadir Buang, 44 tahun (dua dari kanan), yang kurang upaya intelek. — Foto BH oleh KHALID BABA

► NUR SYURAH HASSAN  
nsyurrah@sph.com.sg

WALAUUPUN mempunyai dua anak berkeperluan khas, Encik Encik Ahmad, 70 tahun dan isterinya, Cik Noorhayah Mohd Arrifin, 66 tahun, tidak merasa begitu terbeban kerana sangat menyayangi mereka, apakah laju anak-anak yang sudah dewasa itu berkelakuan baik.

Anak-anak mereka, Encik Mohamed Halim Buang, 42 tahun, dan Encik Abdul Kadir Buang, 44 tahun telah dikesan mengalami daya intelek rendah semasa di sekolah rendah, justeru telah dipindahkan ke sekolah yang dikendalikan Persatuan Golongan Kurang Daya Intelek Singapura (Minds).

Namun Encik Buang, yang kini tidak bekerja kerana menghidapi glaukoma, ditambah pula dengan kesedaran usia yang semakin lanjut, mula diselubungi perasaan bimbang apabila menggenang bagaimana nasib anak-anak itu seandainya ajal menjemput belum dan isteri lebih awal.

"Saya dan isteri sudah tua, dan kami bimbang akan masa depan kedua-dua anak kami. Siapa yang akan jaga

mereka seandainya kami tak ada lagi nanti," luah Encik Buang ketika ditemui Berita Harian.

Mujur mereka kini menyertai Skim Dana Amanah Keperluan Khas Muis yang menawarkan khidmat kepada keluarga yang ingin memastikan kesajahteraan dan penjagaan jangka panjang anggota keluarga mereka yang berkeperluan khas, terutama bagi keluarga berpendapatan sederhana atau rendah.

Di bawah skim tersebut, yang diadakan dengan Syarikat Amanah Keperluan Khas (SNTC), Muis menaja wang permulaan minimum \$5,000 yang diperlukan dan memadamkan sehingga \$5,000 jumlah yang dimasukkan ke akaun itu oleh keluarga, membawa jumlah keseluruhan sehingga \$10,000.

Skim itu telah wujud sejak Februari 2019, dengan Muis memperuntuk \$1 juta untuk disalurkan kepada SNTC — satu-satunya syarikat amanah tanpa meriah untuk di Singapura yang memiliki status pertubuhan amal — untuk membantu sekitar 100 keluarga berkeperluan khas memanfaatkan skim tersebut.

Selepas mendapat tahu tentang skim itu yang boleh membantu anak-

anaknya di masa depan, Encik Buang berkata beliau tidak ber lengah untuk membuka akaun bagi kedua-dua anaknya.

"Saya sangat berterima kasih atas bantuan SNTC dan Muis kerana dapat menolong dan meringankan kesusahan kami berdua dengan segi kewangan."

"Dengan pembukaan akaun ini, saya tahu anak-anak saya akan terjaga dari segi kewangan kerana SNTC akan menguruskan kos perbelanjaan dan keperluan penjagaan bulanan anak-anak semasa saya dan isteri sudah tidak mampu lagi," ujar Encik Buang.

Bagi Cik Noorhayah, mengetahui kedudukan kewangan anak-anak mereka terjaga, sangat melegakan dan meringankan beban minda dan jiwa.

"Anak-anak kami berkelakuan baik. Senang dengar cakap, suka membantu dan senang cakap, mereka biasanya dalam keadaan gembira."

"Hubungan kami sangat rapat. Sebab itu, saya benar-benar berharap, seandainya saya dan suami tak ada lagi, janganlah antara abang dan adik dipisahkan."

"Saya pernah diberitahu, hidup saya susah sebab kena jaga dua orang anak istimewa yang kurang daya intelek. Saya kuatkan semangat dan sen-

tiasa mengingatkan diri, ada ibu bapa lain yang lebih susah daripada saya," ujarnya.

Cik Noorhayah turut menggalakkan agar keluarga yang mengalami situasi serupa dapat mengambil kesempatan penajaan skim bantuan itu untuk meringankan beban.

"Apa yang penting sekarang, sebagai ibu bapa, kita perlu merancang untuk masa depan anak-anak. Lebih-lebih lagi yang berkeperluan khas," tambahnya.

Antara kriteria kelayakan yang ditetapkan bagi bantuan Muis adalah individu berkeperluan khas perlu beragama Islam dan merupakan warga Singapura atau penduduk tetap, dengan pendapatan keluarga tidak melebihi \$8,000 sebulan dan pendapatan per kapita tidak melebihi \$2,000 sebulan.

Skim itu ditawarkan sehingga 31 Disember 2021 dan turut ditawarkan kepada pelanggan Muslim sedia ada SNTC yang layak berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

Mereka yang berminat menyertai skim ini boleh menghubung SNTC di talian 6278-9598 untuk mengatur sesi janji temu.

Maklumat lanjut boleh didapatkan di laman Muis di [www.muis.gov.sg](http://www.muis.gov.sg) dan laman SNTC di [www.sntc.org.sg](http://www.sntc.org.sg).

## CARA SERTAI SKIM DANA AMANAH KEPERLUAN KHAS MUIS

1) Hubungi Syarikat Amanah Keperluan Khas (SNTC) untuk mengatur janji temu dengan Pengurus Kes. Hubungi talian 6278-9598.

2) Ibu bapa/penjaga individu berkeperluan khas harus mengunjungi SNTC.

3) SNTC akan mengendalikan penilaian keperluan menyeluruh, mengenal pasti kelayakan skim tersebut dan membentuk Rancangan Penjagaan.

4) Apabila permohonan diluluskan, Muis akan mengelakkan \$5,000 bagi setiap akaun dana amanah yang dibuka.

5) Ibu bapa/penjaga menyuntik aset sendiri ke dalam akaun dana amanah tersebut.

6) Muis akan memadamkan jumlah yang disuntik sehingga \$5,000 bagi setiap akaun berdasarkan jumlah yang disalurkan.

### KRITERIA KELAYAKAN:

1) Individu yang bakal meraih manfaat daripada dana amanah itu meneptati definisi SNTC berkaitan "individu berkeperluan khas" sepertiiman diluluskan oleh Pejabat Pemegang Amanah Awam (PTO) Singapura.

2) Pendapatan keluarga tidak boleh melebihi \$8,000 dengan pendapatan per kapita tidak melebihi \$2,000.

3) Ibu bapa/penjaga yang akan menyalurkan aset ke akaun tersebut berusia 21 tahun ke atas dan tidak muslis.

4) Penerima manfaat dana amanah beragama Islam.

5) Penerima manfaat dana amanah adalah warga Singapura atau penduduk tetap di Singapura.

"Saya sangat berterima kasih atas bantuan SNTC dan Muis kerana dapat menolong dan meringankan kesusahan kami berdua dari segi kewangan. Dengan pembukaan akaun ini, saya tahu anak-anak saya akan terjaga dari segi kewangan kerana SNTC akan menguruskan kos perbelanjaan dan keperluan penjagaan bulanan anak-anak saya semasa saya dan isteri sudah tiada."

— Encik Buang Ahmad.

"Saya pernah diberitahu, hidup saya susah sebab kena jaga dua orang anak istimewa yang kurang daya intelek. Saya kuatkan semangat mengingatkan diri, ada ibu bapa lain yang lebih susah daripada saya. Apa yang penting sekarang, sebagai ibu bapa, kita perlu merancang untuk masa depan anak-anak. Lebih-lebih lagi yang berkeperluan khas"

— Cik Noorhayah Mohd Arrifin.